

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah status cadangan untuk membangunkan sebuah makmal halal bernilai kira-kira RM40 juta yang dicadang untuk dibina di kawasan berhampiran Putrajaya, bertanggungjawab untuk menjalankan ujian terhadap pelbagai sampel produk, termasuk kosmetik dan barang kulit.**

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010 dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10), Kerajaan telah meluluskan projek pembangunan makmal bagi tujuan pengesahan halal dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM 56.7 juta**. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah mendapatkan tanah di **Bandar Baru Enstek, Nilai, Negeri Sembilan** seluas 45.5 ekar atau

18.4 hektar untuk membangunkan makmal tersebut yang dinamakan sebagai Institut Halal Malaysia.

Pembangunan makmal tersebut mengandungi **tiga (3) seksyen makmal**, dua (2) seksyen pengurusan dan beberapa bangunan sokongan. Tiga seksyen makmal yang sedang dibangunkan merangkumi Makmal Kimia, Makmal Bioteknologi, dan Makmal Mikrobiologi. Dimana **Makmal Kimia mengandungi lima (5) unit di bawahnya iaitu Unit Fiber, Kulit dan Bulu, Unit Alkohol, Unit Protein dan Gelatin, Unit Lemak dan Minyak dan Unit Additif**. Justeru, makmal tersebut bertanggungjawab untuk menjalankan ujian terhadap pelbagai sampel produk termasuk barang kulit.

Walau bagaimanapun, sebagai permulaan operasi makmal tersebut tidak menjalankan ujian terhadap sampel kosmetik dan farmaseutikal memandangkan keupayaan sumber manusia yang terhad. Namun, usaha akan dilakukan untuk membangunkan unit kosmetik dan farmaseutikal di masa akan datang.

Pada masa ini, peratus pembangunan makmal tersebut telah melebihi 70% dan Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang membuat persediaan untuk operasi makmal berkenaan yang dijangkakan akan bermula pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.